

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bnnews@bh.com.my

(FOTO ABDULLAH YUSOF/BH)



Bangunan rumah kedai lama di Kampung Kepayang Sungai Raia, Gopeng.

PEKAN KAMPUNG KEPAYANG BAKAL LENYAP

Percepat pembangunan kampung 132 tahun

➔ Matlamat awal baik pulih tertangguh cacatkan pemandangan, sekali gus hapus nilai warisan

Oleh **Balqis Jazimah Zahari**
bnnews@bh.com.my

➔ Ipoh

Kaji semula perancangan pembangunan di Pekan Kampung Kepayang Sungai Raia dalam mukim Simpang Pulai, yang sebahagian strukturnya sudah dirobohkan dan seakan terbengkalai.

Itu harapan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan seni dan warisan di negeri ini, Koloni Karyawan Amanjaya (PORT) kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengurus Besarinya, Zamari Muhyi, berkata beliau difahamkan matlamat awal kerja baik pulih yang dijalankan di situ bertujuan untuk pelebaran jalan, namun kerja yang tertangguh beberapa tahun itu mencacatkan pemandangan, sekali gus menghapuskan nilai warisan pekan berusia 132 tahun itu.

Katanya, kawasan itu hanya dipagar zink sebagai tanda bangunan di kawasan berkenaan dalam pembinaan, namun sehingga kini tiada tindakan susulan selepas bangunan itu dirobohkan.

"Tiada papan tanda menyatakan bahawa kerja pembangunan sedang dijalankan dan ia menjadi tanda tanya kepada penduduk serta pengguna jalan raya mengenai

perancangan sebenar yang mahu dilaksanakan.

"Adakah kita hendak menjadikan Pekan Kampung Kepayang yang sudah mulai dirobohkan ini tercatat dalam sejarah sebagai pekan yang lenyap.

"Pihak yang bertanggungjawab khususnya PBT patut melihat semula dan mempercepatkan perancangan di kawasan itu dan pada masa yang sama menilai semula nilai warisan di kawasan berkenaan," katanya ketika ditemui semalam.

Semalam, *Halaman Kota* mendedahkan selepas Kampung Kuchai, di bandar raya ini yang dikatakan wujud sejak 200 tahun lalu bakal lenyap, nasib sama bakal menimpa Pekan Kampung Kepayang Sungai Raia.

Ia kerana tinjauan mendapati, nilai sejarah dan warisan dimiliki pekan berkenaan semakin hilang kerana struktur kayu beberapa bangunan sudah mulai roboh, manakala beberapa bangunan lain menunggu masa untuk roboh atau dirobohkan.

Zamari berkata, akibat terbengkalai terlalu lama, ada pihak mengambil kesempatan dengan merobohkan bangunan yang sudah semakin usang itu dan kemungkinan menjual kayu yang dipercaiy bernilai tinggi.

Beliau yang juga Pengurus Besar



Keratan akhbar BH
keluaran semalam.



Tiada papan tanda menyatakan bahawa kerja pembangunan sedang dijalankan dan ia menjadi tanda tanya kepada pengguna jalan raya mengenai perancangan sebenar yang mahu dilaksanakan"

Zamari Muhyi,
Pengurus Besar Koloni
Karyawan Amanjaya

Operasi Kellie's Castle, melihat potensi premis pekan itu sebagai salah satu produk pelancongan bertukar nilai warisan dan sejarah yang terdapat padanya.

"Pandangan saya selaku pihak yang terabit dalam industri pelancongan di negeri ini, apa saja alasan untuk merobohkan bangunan berkenaan, ia adalah perkara yang merugikan dari sudut jangka masa panjang.

"Sebelum ini banyak jurugambar menggunakan bangunan hadapan dan lokasi itu sebagai tempat bergambar terutama untuk mengabadikan foto perkahwinan dan pra-perkahwinan," katanya.

Zamari berkata, pihak berwajib boleh melakukan teknik pembangunan pemuliharaan dan mengubah lokasi bagi membaik pulih bangunan itu agar nilai warisan dikekalkan.

"Pengalaman terabit dalam pelancongan lebih 30 tahun, saya sudah pergi ke Singapura, Itali, Perancis, Belanda serta rantau Balkan dan mendapati mereka begitu taksud menghargai bangunan peninggalan silam.

"Di negara berkenaan, walaupun jika bangunan itu ingin dirobohkan, mereka masih menyimpan bahagian hadapan bangunan sebagai peninggalan sejarah, bermakna bahagian belakang saja dirobohkan," katanya.